

192547

PLS 136-858.2011

PERPUSTAKAAN UPSI

192547

Nombor Perolehan

78613

Tarikh Perolehan

20/12/11

Punca

feilwih Binaas

Harga

RM200.00

Bilangan Naskah

1

Nombor Panggilan

**IMEJ MANUSIA DALAM 'KUMPULAN PUISI
SALASILAH' ZURINAH HASSAN**

SITI MURNI BINTI MOHD. ABDUL HAMID

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2011

IMEJ MANUSIA DALAM ‘KUMPULAN PUISI
SALASILAH’ ZURINAH HASSAN

SITI MURNI BINTI MOHD. ABDUL HAMID

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
KESUSASTERAAN MELAYU

FAHASA BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2011

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

11.04.2011



Tanda tangan

SITI MURNI BINTI MOHD. ABDUL HAMID
M20091000192

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Segala puji-pujian dan syukur dipanjatkan hanya ke hadrat Illahi kerana dengan hidayah dan izin-Nya dapatlah saya menyiapkan laporan Kertas Projek (Kesusasteraan Melayu) ini. Salam dan salawat buat Nabi dan Rasul Junjungan, Nabi Muhammad S.A.W. yang menjadi sumber inspirasi dan sandaran dalam olahan laporan, mencanai idea dan ilham kurniaan-Nya agar terjalin dalam bentuk yang berpegang kepada keikhlasan dan landasan yang diredhai-Nya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih ikhlas diucapkan khas untuk pensyarah dan juga penyelia Kertas Projek (Kesusasteraan Melayu, BSP 6006) yang berdedikasi Prof. Madya Dato' Paduka Dr. Mohd Rosli Saludin, yang telah memberi buah fikiran yang amat berguna sepanjang usaha saya ini. Amat saya kagumi dan hargai sikap keterbukaan dan amalan demokratik beliau dalam dunia akademik. Segala bimbingan, tunjuk ajar, buah fikiran serta nasihat yang telah banyak diberikan selama ini sukar untuk saya nilai dengan nikmat dunia, hanya Allah S.W.T yang mampu menilai dan memberi ganjaran-Nya. Doa dan harapan semoga beliau mendapat rahmat daripada Allah S.W.T.

Buat suami tercinta Ahmadi b. Ahmad Maruwi dan anak-anak tersayang, Rabi'atul Adawiyah, Muhammad Amaluddin dan Muhammad Ilham Hafizi, selautan kasih dan cinta serta ucapan terima kasih yang tidak terhingga atas pengertian dan kasih sayang kalian serta doa yang mengiringi sepanjang perjalanan menuju impian bersama. Sesamudera kasih sayang dan penghargaan untuk ibunda tercinta Hajjah Jamilah @ Halima bt. Hj. Johari dan ayahanda tersayang Haji Mohd. Abdul Hamid b. Saman yang tidak pernah lalai mendoakan kebahagiaan dan kejayaan saya di dunia dan akhirat. Tidak dilupakan semesra kasih untuk ibu mertua Muilah (Naseri) bt. Said yang banyak meringankan beban dan mencurahkan pengertian akan kerumitan selama ini. Tanpa kalian, amat sukar untuk diharungi liku-liku sungai kehidupan sebagai seorang isteri, ibu, guru, anak juga pelajar UPSI.

Akhir sekali, sekalung budi dan ucapan terima kasih buat sanak saudara, teman-teman seperjuangan dan pihak yang terlibat yang banyak memberi pendapat, buah fikiran dan kerjasama sepanjang proses menyiapkan tugas ini. Semoga Allah memberi ganjaran yang setimpal dengan jasa yang dicurahkan. Amin.

Siti Murni Mohd. Abdul Hamid
M20091000192
Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa
Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Penulis-penulis wanita tetap memberi sumbangan dan sahamnya yang tersendiri dalam dunia perkembangan sastera kreatif negara. Namun, kajian terhadap karya-karya penulis wanita kurang menonjol jika dibandingkan dengan karya-karya penulis lelaki. Selain itu, kajian dan penelitian terhadap imej manusia dalam genre puisi sama ada puisi moden ataupun puisi tradisional amat kurang dijalankan. Kajian ini cuba mendekati salah seorang penulis wanita tersohor tanah air iaitu Zurinah Hassan dan hasil kajian ini diharapkan dapat memberi nilai sumbangan kepada penambahan ilmu untuk kepentingan dunia sastera Melayu dan berkepentingan juga ke atas subjek Kesusasteraan Melayu sebagai wahana dalam pembentukan peribadi masyarakat. Untuk mencapai tujuan ini, tiga objektif kajian ditetapkan sebagai landasan kajian iaitu (1) mengenal pasti makna yang tersirat dalam puisi-puisi Zurinah Hassan melalui perlukisan imej manusianya, (2) mengenal pasti keberadaan Teori Pengkaedahan Melayu dalam Kumpulan Puisi *Salasilah* oleh Zurinah Hassan melalui imej manusianya, dan (3) mengenal pasti kewujudan dan perkaitan nilai kemanusiaan dalam imej manusia dengan alam dan makhluk lain serta Tuhannya. Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang yang bertunjangkan daya cipta kreatif, penghasilan sastera yang kaya, keakraban dengan gejala alam dan kehalusan budi orang Melayu dijadikan asas untuk menganalisis teks. Teori ini didasari oleh dua pengkaedahan utama iaitu, Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap tiga bahagian puisi Zurinah Hassan dalam Kumpulan Puisi *Salasilah* iaitu, Bahagian 1: Mukadimah Selat Melaka (39 buah puisi), Bahagian 2: Bergurau Senda (17 buah puisi) dan Bahagian 3: Tun Sri Lanang Kedua (42 buah puisi). Secara keseluruhannya kumpulan puisi ini mengandungi 98 buah puisi. Data dianalisis secara deskriptif dengan mengaplikasi dua kaedah pengumpulan data iaitu kaedah pemerhatian dan tinjauan pustaka. Hasil analisis menunjukkan imej manusia dalam kumpulan puisi Zurinah ini mengandungi makna yang tersirat sebagai cerminan bangsa Melayu dan Teori Pengkaedahan Melayu juga dikenal pasti berada dalam imej manusianya. Di samping itu, hasil kajian ini turut mendapati kewujudan dan perkaitan nilai kemanusiaan dalam imej manusia dengan alam dan Tuhannya.

ABSTRACT

The women writers still give their individual contributions and involvements in the world of creative literature development in our country. However, the study on the women's authors' works are less significant compared to men's authors' works. Apart from that, the study and the perusal on human image in poetry whether the modern poetry or the traditional poetry were very few. This study is try to approach one of the country famous women's writers namely Zurinah Hassan and this survey result is hope able to give the contribution value to increase the knowledge for the Malay literature world interest. It is also for the Malay Literature subject as a medium in developing the society personality. To achieve this purpose, the three objectives for the research are specified as the study track namely (1) to identify the hidden meaning in Zurinah Hassan poetry's through the human's images potrays, (2) to identify the Teori Pengkaedahan Melayu in the Salasilah poetry anthology by Zurinah Hassan through the human images, and (3) to identify the existence and the value of human in the human image with nature and other creatures with God. The Teori Pengkaedahan Melayu by Hashim Awang that based on the creative creativity, the production of the good literature, the intimacy with the world symptom and the gentleness of the Malay people is made as the foundation to analyze the texts. This theory is based on the two major methods namely the Pengkaedahan Alamiah and Pengkaedahan Keagamaan. This study uses the content analysis method on the three part of Zurinah Hassan's poetry in Salasilah poetry anthology namely part 1: Mukadimah Selat Melaka (39 poems), part 1: Bergurau Senda (17 poems) and part 3: Tun Sri Lanang Kedua (42 poems). Overall this poetry anthology contains 98 poems. The data is analyzed descriptively by applying the two data collection method namely the observation method and the library survey. The analysis result shows the human image in Zurinah's poetry anthology contains the implied meaning on the reflection of the Malay race and the Teori Pengkaedahan Melayu is also identified existing in the human image. At the same time, this survey results also showed the existence and the value of human in the human image with nature and God.

KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
HALAMAN JUDUL	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL DAN RAJAH	x
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Pernyataan masalah	7
1.4 Kepentingan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Persoalan Kajian	10
1.7 Batasan Kajian	11
1.7.1 Teks	11
1.7.2 Skop Kajian	13
1.7.3 Masa	14
1.8 Defini Konsep	14
1.8.1 Imej	14
1.8.2 Manusia	16

1.8.3	Puisi	18
1.9	Kaedah Kajian	20
1.9.1	Kaedah Mengumpul Data	20
1.10	Penutup	21

BAB 2: SOROTAN LITERATURE

2.1	Pengenalan	23
2.2	Sorotan Literature Peringkat Doktor Falsafah	24
2.3	Sorotan Literature Peringkat Sarjana	26
2.4	Sorotan Literature Peringkat Sarjana Muda	27
2.5	Kajian Literature Buku-buku Ilmiah	29
2.6	Penutup	33

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	35
3.2	Pendekatan	37
3.3	Teori Pengkaedahan Melayu	38
3.3.1	Pengkaedahan Alamiah	41
I.	Pendekatan Gunaan	42
II.	Pendekatan Moral	43
III.	Pendekatan Firasat	45
3.3.2	Pengkaedahan Keagamaan	46
I.	Pendekatan Dakwah	47
II.	Pendekatan Kemasyarakatan	49
III.	Pendekatan Seni	50
3.4	Penutup	52

**BAB 4: ANALISIS IMEJ MANUSIA DALAM KUMPULAN
PUI SI SALASILAH ZURINAH HASSAN.**

4.1	Pengenalan	53
4.2	Aplikasi Pengkaedahan Alamiah	55
4.2.1	Pendekatan Gunaan	59
4.2.2	Pendekatan Moral	66
4.2.3	Pendekatan Firasat	72
4.3	Aplikasi Pengkaedahan Keagamaan	75
4.3.1	Pendekatan Dakwah	78
4.3.2	Pendekatan Kemasyarakatan	84
4.3.3	Pendekatan Seni	94
i.	Imej Manusia dalam Keindahan Lahiriah Karya	95
ii.	Imej Manusia dalam Keindahan Maknawi (Dalam) Karya	106
4.4	Penutup	120

BAB 5: KESIMPULAN DAN SARANAN

5.1	Pengenalan	121
5.2	Rumusan Analisis	121
5.2.1	Makna Tersirat dalam Imej Manusia	122
5.2.2	Keberadaan Teori Pengkaedahan Melayu dalam <i>Salasilah</i>	125
5.2.3	Perkaitan Nilai Kemanusiaan dengan Imej Manusia	126
5.3	Saranan	128
5.4	Penutup	129

BIBLIOGRAFI	131
--------------------	-----

LAMPIRAN	135
-----------------	-----

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	HALAMAN
Rajah 3.1	Metodologi Kajian	36
Rajah 3.2	Teori Pengkaedahan Melayu	40
Rajah 5.1	Ringkasan Dapatan Kajian Imej Manusia	123

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Al-Quran sebagai model kepada kesusasteraan Islam telah diwahyukan dalam bentuk yang bukan puisi dan bukan pula prosa. Sekiranya al-Quran menjadi Zat Maha Tinggi maka setiap hasil kesusasteraan Islam pula ibarat sifat yang memanjangkan atau melangsungkan zat itu ke alam kejadian. Secara analogi, setiap satunya umpama warna gelas yang memberikan 'warna' kepada air di dalamnya. Oleh itu, tema dan persoalan kesusasteraan Islam lahir daripada tradisi dan falsafah pemikiran Islam yang begitu banyak makna serta pengertian kepada penghidupan Islam sejak dari zaman Rasulullah S.A.W lagi. Selain itu, mesej, makna dan bentuk juga memainkan peranan penting dalam kesusasteraan Islam.

Tidak dapat dinafikan bahawa al-Quran bersifat puitis terutamanya surah yang diturunkan di Mekah pada zaman awal turunnya wahyu. Baharudin Ahmad (1992: xxii), menyatakan dalam 'Pengenalan' bahawa sebahagian daripada ayat-ayat tersebut sangat indah sehingga mengalahkan kesemua ahli syair pada zaman itu. Oleh sebab

itu, timbullah tuduhan bahawa Rasulullah sebagai penyair yang mendapat inspirasi daripada kuasa jahat. Menurut Ismail Hamid (Baharudin Ahmad, 1992: 1), sikap Rasulullah terhadap puisi adalah sangat menggalakkan dan membayangkan kegemaran baginda kepada puisi yang bermutu. Ismail Hamid juga mencatatkan bahawa baginda tertarik hati dengan deklamasi puisi seorang sahabat bernama 'Ala al-Hadrani yang mengandungi beberapa pengajaran yang baik. Baginda bersabda, "Bagus 'Ala. Sesungguhnya sesetengah puisi itu mengandungi kata-kata yang bijaksana dan sesetengah prosa pula bertindak luar biasa seperti kuasa sihir."

Puisi digunakan sebagai suatu sarana pernyataan sastera dengan mesej metafizikal. Sehubungan dengan itu, Rasulullah melantik beberapa orang penyair Muslim untuk menggubah puisi sebagai media menentang propaganda kaum musyrikin dan menerangkan kebenaran agama Islam. Walaupun Islam tidak pernah mengecam puisi tetapi hal ini tertakluk kepada keadaan, sama ada puisi itu sesuai dari segi moral dan bermakna dari segi agama ataupun sebaliknya. Prosa juga terdapat dalam al-Quran terutama di dalam surah yang diturunkan di Madinah yang membawa mesej tanggungjawab sosial, peraturan dan perundangan serta kaedah penubuhan sebuah ummah.

Sesungguhnya kesusasteraan dalam Islam bukan sahaja jelas peranannya malahan kaedah penyampaiannya juga tidak menyimpang dan menyesatkan fikiran pengkarya dan khalayak. Konsep kesusasteraan Islam di Alam Melayu khususnya di Malaysia, seringkali dibincangkan oleh beberapa orang peneliti dan pengamat sastera. Mereka mengemukakan pandangan dan komentar masing-masing mengenai kesusasteraan Islam secara khusus dan terperinci sama ada di seminar atau dalam

bentuk tulisan ilmiah di akhbar dan majalah. Istilah 'sastera Islam' mula digunakan oleh penggiat kesusasteraan Melayu setelah pandangan tokoh-tokoh Islam dan sarjana Islam seperti al-Ghazali (r.h), al-Faruqi (r.h) dan Sayyid Qutb (r.h) tentang sastera-agama diteliti dan ditelaah.

Perkembangan sastera Islam negara dipercayai bermula pada tahun 1930-an, dan pada tahun 1970-an pula merupakan zaman kebangkitan Islam. Seiring dengan itu semakin ramai sasterawan di Malaysia dan Indonesia kembali menghayati karya-karya sastera yang berunsurkan Islam dan sufi. Hasil kerjasama antara Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan persatuan penulis setiap negeri dan kemunculan penulis-penulis yang berlatarbelakangkan pendidikan agama turut menambah biak karya sastera berunsur Islam. Polemik antara Shahnnon Ahmad dengan Kassim Ahmad pada pertengahan tahun 1980-an mengenai konsep Sastera Islam telah mencetuskan impak yang cukup besar terhadap kesusasteraan Melayu di Alam Melayu. Pemikiran sastera Melayu yang berkonsepkan "Seni Untuk Masyarakat" yang menjadi perjuangan ASAS 50 kian merosot. Sejak itu, sastera yang berunsurkan Islam semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat.

Lanjutan daripada itu, muncul beberapa teori setempat termasuklah Teori Pengkaedahan Melayu hasil daripada pengamatan dan penelitian Hashim Awang terhadap nilai-nilai estetik daripada al-Quran dan al-Hadith. Oleh itu, teori sastera ini direalisasikan dengan bersumberkan nilai-nilai estetika tersebut dan juga falsafah Islam yang berpaksikan tauhid. Teori ini menjadi salah satu saluran sarjana sastera untuk meneliti, menilai dan mengkaji proses pembentukan, perkembangan dan penghasilan kesusasteraan Islam. Teori Takmilah merupakan perkembangan baharu

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

IS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

dalam dunia kritikan sastra tempatan yang menjadi alternatif kepada pengkritik dan pengkaji sastra di samping gelombang teori sastra Barat yang menguasai dunia sastra tempatan.

Tidak dapat dipertikaikan dalam dunia kesusasteraan Melayu di Malaysia sama ada sebelum atau selepas merdeka sehingga kini turut mendapat sumbangan dan penglibatan daripada penulis-penulis wanita. Walaupun jumlah golongan penulis wanita tidak dapat menyaingi golongan lelaki namun tetap menyumbangkan sahamnya yang tersendiri dalam memberikan corak dan warna perkembangan sastra kreatif.

Tema-tema yang dibicarakan dalam karya-karya penulis wanita tanah air banyak dan hampir keseluruhannya berlegar di sekitar dunia kewanitaan mereka yang padat dengan emosi dan sentimen kewanitaan yang tebal. Hal ini sejajar dengan perkembangan dunia pendidikan dan menularnya emansipasi wanita yang melatari masyarakat Melayu. Fenomena ini turut diperkukuh dengan sumbangan Zurinah Hassan yang turut menyentuh dan menulis kisah-kisah kehidupan yang menyangkut permasalahan-permasalahan agama, ekonomi, politik, pendidikan moral, falsafah, pengaruh Timur dan Barat dan sebagainya dalam karya terutamanya puisi-puisi mutakhirnya.

Zurinah telah memanifestasikan pemerhatian, pemikiran dan perasaan kecintaannya yang hebat terhadap falsafah hidup dan kehidupan manusia melalui imej manusia dan kemanusiaan ke dalam *Kumpulan Puisi Salasilahnya*. Selain itu, kumpulan puisi ini juga merupakan wadah luahan penghayatannya terhadap alam

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

dan segala isi alam yang diciptakan Tuhan untuk dinikmati bersama khalayak. Maka, kajian terhadap kumpulan puisi ini mencetuskan interaksi fizikal dan spiritual yang dapat memperkaya pengalaman hidup kita.

Kesederhanaan dalam gaya pengucapan dengan pembentukan bait-bait ayat yang mantap dan segar memberikan makna tersirat dan mendalam menjadikan puisi-puisi Zurinah mengandungi nilai-nilai sastera yang cukup tinggi. Penerapan nilai-nilai estetika dan nilai-nilai kemanusiaan menjadikan puisi-puisi Zurinah memukau dan penuh dengan makna yang tersendiri. Imej manusia yang dianyam dalam puisi tersebut mengarah kepada pemikiran kemanusiaan penyair.

1.2 Latar Belakang Kajian

Zurinah Hassan adalah antara penulis wanita yang terampil di negara ini yang boleh dibanggakan. *Kumpulan Puisi Salasilahnya* mengandungi puisi-puisi yang berupa catatan rasa dan biasan minda seorang penyair wanita tersohor tanah air (Zurinah Hassan). Emosi Zurinah Hassan terhadap segala peristiwa yang menimpa bangsa Melayu dari zaman dahulu sehingga sekarang terlukis dalam kumpulan puisi ini. Cubaan Zurinah memaknakan keindahan mutiara bahasa para pujangga Melayu ke dalam puisi-puisinya berjaya mengusik perasaan khalayak. Amat jelas dilihat imej-imej manusia diadun daripada teks *Sejarah Melayu*, pelbagai cerita rakyat, cerita jenaka, kisah legenda, hikayat, buku sejarah, akhbar dan majalah. Puisi-puisi Zurinah

tersebut merupakan refleksi sosial masyarakat yang berada dalam jangkauan kesensitifannya yang ditangani dengan iltizam yang bersungguh-sungguh.

Puisi-puisi ini berfokus kepada tema khusus dengan penampilan imej-imej manusia, iaitu tentang perjuangan dan pemikiran bangsa Melayu zaman dahulu, yang telah diberi pentafsiran baharu sesuai dengan perkembangan dunia moden. Bagi Zurinah sejarah bukan sekadar kenangan, tetapi sejarah juga boleh menjadi iktibar dan teladan. Hal ini sesuai dengan kata-kata Abdul Rahman Napiah, iaitu “Menyusur masa lalu untuk menyisir makna baharu” (Zurinah Hassan, 2005: x). Oleh demikian, pengkajian akan dilakukan menerusi imej-imej manusia yang terdapat dalam *Kumpulan Puisi Salasilah* melalui Teori Pengkaedahan Melayu.

Berdasarkan himpunan puisi Zurinah tersebut, pengkaji dapati bahawa puisi khususnya dan kesusasteraan umumnya memainkan peranan penting dalam pemikiran dan perasaan manusia. Dalam konteks ini, fungsi sastera dalam mengkritik kehidupan manusia, meninjau kebenaran jiwa dan mentafsir rahsia jiwa, mungkin hanya disedari oleh ‘jiwa-jiwa sastera’. Maka, T.Alias Taib (2003) memanifestasikan puisi sebagai perkahwinan abadi antara isi dengan bentuk. Puisi tanpa bentuk adalah pohon tanpa daun. Puisi tanpa isi adalah pohon tanpa buah. Menurutnya lagi, puisi adalah ilmu yang berupaya menghantar khalayak ke ceruk yang paling sunyi, ke dasar yang paling dalam, ke rahsia yang paling tersembunyi, ke konflik yang paling rumit.

Dalam kajian ini, puisi bagi pengkaji dilihat sebagai satu pengaliran rasa kecintaan manusia yang tinggi terhadap hidup, kehidupan manusia, kemanusiaan, alam dan segala isi alam yang diciptakan Tuhan. Ada interaksi fizikal dan rohani yang

kelak dapat memperkaya pengalaman hidup kita. Oleh itu, menurut Lim Swee Tin (2000), puisi dilihat sebagai mempunyai sihirnya sendiri dalam satu jalinan atau tautan yang akrab atau intim dan mesra kepada penggemar ataupun pencintanya.

1.3 Pernyataan Masalah

Kebanyakan para sarjana dan peneliti sastra lebih gemar mengkaji karya-karya penulis lelaki yang kelihatan lebih menonjol prestasinya berbanding dengan penulis wanita. Atas kesedaran untuk mendekati penulis wanita tanah air, pengkaji cuba menyelami himpunan Puisi Salasilah oleh Zurinah Hassan yang merupakan salah seorang penulis dan penyair wanita yang mampu mengalirkan makna yang tersendiri selari dengan fitrah penciptaan puisi-puisi tersebut. Selain itu, kajian imej manusia dalam karya-karya kesusasteraan Melayu juga kurang dijalankan terutamanya dalam genre puisi, sama ada puisi tradisional ataupun puisi moden iaitu sajak.

Dalam kajian ini, pengkaji cuba meneliti dan menjejaki protes Zurinah dalam imej-imej manusia yang terdapat dalam puisi-puisinya. Kumpulan puisi Salasilah mengandungi puisi-puisi yang berupa catatan rasa dan pancaran minda daripada seorang yang terharu terhadap segala peristiwa yang berlaku. Imej-imej manusia terhasil dalam kesegalaan liku dan kancah kehidupan dari zaman Kesultanan Melayu Melaka sehinggalah era globalisasi yang memerlukan penelitian dan pemikiran yang kritis serta kreatif. Sindiran, protes, teguran dan segala macam rasa hati Zurinah dicanai dalam kumpulan puisinya secara tersurat dan tersirat, agar dapat disampaikan

kepada khalayak untuk dinikmati dan dihayati. Pengkaji cuba merungkai persoalan-persoalan yang tersirat dalam imej-imej manusia yang dihasilkan oleh Zurinah berdasarkan realiti kehidupan dan persekitaran masyarakat Melayu khususnya dan Malaysia amnya.

Puisi-puisi Zurinah mengandungi persoalan-persoalan implisit yang perlu diteliti dan diselongkar maknanya oleh khalayak khususnya pengkaji sendiri, kerana puisi-puisi tersebut bukan sekadar rakaman daripada secebis kehidupan atau sedetik peristiwa sahaja. Penyair mencuba mengajak khalayak membuat perenungan terhadap inti pembicaraan yang terakam dan sudah pasti perenungan tersebut timbul setelah rasa kemanusiaan terusik, kejiwaan tergetar dan pemikiran tergugat.

Walaupun hampir keseluruhan bait-bait puisi Zurinah berkisar pada kehidupan orang Melayu, namun Zurinah bijak menghubungkaitkannya dengan kehidupan masyarakat asing dan kutipan sejarah tersebut diberi makna baharu yang perlu direnung dan dihayati. Wujud persoalan-persoalan dan moraliti yang melingkari kehidupan manusia sebagai individu waima masyarakat iaitu pemikiran yang berhubungan dengan sosio ekonomi, sosio politik dan sosio budaya. Perkaitan antara imej manusia dengan alam Melayu yang ditonjolkan daripada pelbagai susun lapis masyarakat seperti pemerintah hinggalah rakyat biasa akan dikaji melalui aspek dalaman dan luaran dengan berasaskan kepada agama Islam.

1.4 Kepentingan Kajian

Imej-imej manusia dalam Kumpulan Puisi Zurinah ini mempunyai unsur-unsur moral yang kuat untuk diambil iktibar oleh khalayak berdasarkan kepada sikap hidup, kepercayaan, dan keagamaan orang Melayu serta bertunjangkan pegangan hidup Islam. Hampir keseluruhan aspek keberadaan dan kehidupan zahir dan batin bangsa Melayu dilihat dan diambil untuk dijadikan dasar pembentukkan imej manusia sebagai cerminan bangsa.

Justeru itu, kajian ini diharap memberi nilai sumbangan kepada penambahan ilmu dan boleh digunakan untuk kepentingan dunia sastera Melayu. Pengkaji juga berharap agar kemanusiaan yang wujud dalam imej manusia tersebut haruslah dihubungkan antara manusia dengan seluruh alam dan makhluk lainnya serta perhubungan antara manusia dengan Tuhan.

Kajian ini juga berkepentingan ke atas subjek Kesusasteraan Melayu sebagai wahana dalam pembentukan peribadi masyarakat terutamanya masyarakat Melayu. Kesedaran dapat disuntik melalui kajian ini terhadap peranan puisi dalam mewujudkan nilai-nilai kemasyarakatan secara umumnya, selaras dengan ajaran agama. Puisi menganjurkan tatacara yang seharusnya manusia hidup dan menjalani kehidupan yang baik dalam sebuah masyarakat. Maka, nilai-nilainya adalah moral itu sendiri di samping dapat membantu manusia dalam menghadapi hidup.

Puisi bukan sahaja menjadi salah satu genre kesusasteraan yang paling digemari oleh khalayak, malahan banyak merakam perilaku manusia dan fenomena

setiap peristiwa. Pernyataan ini selaras dengan pendapat Wan Abdul Kadir (1993: 1-13), iaitu puisi menjadi ekspresi budaya manusia Melayu yang paling popular. Imej-imej manusia dalam kumpulan puisi Zurinah ini merupakan teladan kepada manusia lain terutamanya generasi baharu. Oleh itu, pengkaji mendapati adalah amat wajar pengkajian terhadap kumpulan puisi ini dilakukan untuk kepentingan semua pihak.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah :

1. Mengenal pasti makna yang tersirat dalam puisi-puisi Zurinah Hassan melalui pelukisan imej manusianya.
2. Mengenal pasti keberadaan Teori Pengkaedahan Melayu dalam Kumpulan Puisi *Salasilah* oleh Zurinah Hassan melalui imej manusianya.
3. Mengenal pasti kewujudan dan perkaitan nilai kemanusiaan dalam imej manusia dengan alam dan makhluk lain serta Tuhannya.

1.6 Persoalan kajian

Persoalan kajian yang ingin dilihat dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah yang tersirat di sebalik imej-imej manusia dalam Kumpulan Puisi-puisi Zurinah Hassan?

2. Apakah Teori Pengkaedahan Melayu boleh diaplikasikan dalam Kumpulan Puisi Zurinah Hassan melalui imej-imej manusianya?
3. Adakah terdapat perkaitan antara nilai kemanusiaan dalam imej manusia dengan alam dan makhluk lain serta Tuhannya?

1.7 Batasan Kajian

Untuk memudahkan kajian, pengkaji telah membuat beberapa batasan atau had-had tertentu sebagai landasan dalam menyiapkan kajian dan dapat membantu dalam keputusan kajian.

1.7.1 Teks

Kajian yang dijalankan tertakluk kepada beberapa batasan di mana fokus kajian hanya terhad kepada teks Kumpulan Puisi Salasilah oleh Zurinah Hassan. Antologi ini diterbitkan pada 2005 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Kajian dilakukan ke atas puisi-puisi yang terdapat di dalamnya yang mengandungi 98 buah puisi. Dalam kumpulan puisi yang dikaji terdapat sebanyak tiga bahagian yang perlu diteliti iaitu;

- Bahagian 1 : Mukadimah Selat Melaka (39 buah puisi)
- Bahagian 2 : Bergurau Senda (17 buah puisi)
- Bahagian 3 : Tun Sri Lanang Kedua (42 buah puisi)

Pemilihan teks ini adalah berdasarkan kepada keunikan imej-imej manusia yang terhimpun dalam kumpulan puisi ini melalui garapan Zurinah mengenai perjuangan dan pemikiran bangsa Melayu zaman dahulu sehingga kini. Melalui puisi, Zurinah telah memberi pentafsiran baharu yang disesuaikan dengan era globalisasi. Imej-imej manusia yang terlukis dalam kumpulan puisi ini merupakan manusia yang tertanam dalam lipatan sejarah bangsa Melayu dari zaman Kesultanan Melayu Melaka sehingga kini.

Keunikan berbagai-bagai bentuk imej manusia yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dan darjat, digarap dengan penuh penelitian agar khalayak dapat menginsafi sebab dan akibat setiap kejadian dalam sejarah. Imej-imej manusia dalam kumpulan puisi ini juga merupakan penerokaan Zurinah terhadap setiap peristiwa sama ada yang telah menjadi sejarah mahupun berdasarkan pemerhatiannya terhadap persekitaran. Pemilihan setiap imej manusia disesuaikan dengan persoalan yang ingin disampaikan walaupun kelihatan bersahaja namun, amat mengusik jiwa yang mahu memahaminya.

1.7.2 Skop Kajian

Kajian ini tidak melibatkan karya penulis lain sebagai perbandingan atau kajian dengan Kumpulan Puisi Salasilah. Aspek utama kajian adalah berkaitan dengan imej-imej manusia yang terdapat dalam puisi-puisi karya Zurinah Hassan yang terangkum dalam teks tersebut.

Kajian dijalankan dalam lingkungan pelukisan imej manusia dari pelbagai aras kedudukan dalam masyarakat daripada peringkat atasan seperti raja / pemimpin sehinggalah rakyat miskin, dengan pelbagai aras umur, tahap pemikiran dan daripada zaman kesultanan Melayu, kolonial sehinggalah kini.

Skop kajian dalam imej-imej manusia Melayu dan bangsa asing menjurus kepada makna dan peranan imej tersebut secara tersirat kepada khalayak khususnya masyarakat Melayu. Kajian juga melibatkan aspek-aspek moraliti sesuatu imej dalam masyarakat Melayu yang berlandaskan agama Islam sebagai anutan dan pegangan hidup.

Pengkaji perlu menetapkan skop kajian ini bagi mengelakkan hasil kajian menyimpang daripada objektif yang ditetapkan oleh pengkaji. Skop kajian dikecilkan untuk mengelakkan kajian yang terlalu umum. Ini penting agar kajian ini tidak tersasar daripada objektif yang telah ditetapkan dan mampu memberi manfaat kepada pihak yang berkaitan.

1.7.3 Masa

Kajian terbahagi kepada tiga fasa. Kajian untuk fasa pertama iaitu kajian proposal dilakukan pada awal bulan Julai hingga akhir Disember 2010. Fasa kedua adalah sesi mereka bentuk, memantap dan memurnikan kertas cadangan atau proposal berlangsung dari bulan Disember 2010 hingga Januari 2011. Fasa ketiga pula adalah fasa pelaksanaan kajian yang dijalankan dari bulan pertengahan Januari hingga April tahun 2011.

1.8 Definisi Konsep

Terdapat beberapa konsep yang terdiri daripada perkataan dan frasa-frasa tertentu yang perlu diberi definisi untuk memudahkan pengkajian dan pendokumentasian kajian ini.

1.8.1 Imej

Imej atau citra berasal daripada bahasa Latin, iaitu *imago* atau *imitari* yang bermaksud “to imitate” (A. F. Scott, 1985: 139). Manakala Rahman Shaari (1985: 42) menyatakan bahawa imej merupakan gambaran yang dilukiskan